

DATE: 23/06/1988

PRESIDEN PERSATUAN PEGUAM² MUSLIM JAWAB MAJLIS PEGUAM

'Kami berhak bersuara'

Um - 23 Jun 1988

KUALA LUMPUR 22 Jun —
Presiden Persatuan Peguam -
Peguam Muslim, Encik Zaid Ibrahim
hari ini menegaskan bahawa beliau
berhak membidas Majlis Peguam
kerana mengambil ketetapan
mendesak Tan Sri Hamid Omar
menarik diri dari menjadi pengerusi
tribunal.

Encik Zaid berkata, beliau berhak berbuat demikian kerana sesiapa sahaja harus menyuarakan sesuatu yang benar, lebih-lebih lagi jika apa yang disuarakan itu menjadi pegangan persatuan.

"Saya bercakap mewakili persatuan ini. Walaupun saya merupakan ahli Majlis Peguam tapi saya juga ada peranan terhadap persatuan yang saya pimpin. Apa yang saya kata adalah suara persatuan," katanya kepada Utusan petang ini.

Encik Zaid menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Naib Presiden Majlis Peguam, S. Theivanthiran bahawa persatuan tersebut tidak wajar membuat kenyataan membidas keputusan mesyuarat agung luar biasa majlis itu yang mahukan Tan Sri Hamid Omar bersama empat orang lagi menarik diri dari tribunal yang akan menyiasat Tun Salleh Abas Isnin ini.

Encik S. Theivanthiran berkata, sebagai ahli Majlis Peguam, Encik Zaid sepatutnya menyuarakan bantahannya dalam mesyuarat agung luar biasa majlis itu dan tidak membuat kenyataan yang berasingan.

Presiden Persatuan Peguam - Peguam Muslim Malaysia itu dalam kenyataannya kelmarin, menegaskan bahawa desakan Majlis Peguam supaya Hakim Besar Malaya,

Tan Sri Hamid Omar dan empat orang lagi anggotanya menarik diri dari tribunal yang dibentuk untuk mendengar kes Tun Salleh Abas, sebagai sikap yang kurang sopan dan tidak menghormati badan kehakiman. Menurut Encik Zaid, beliau tidak hadir di mesyuarat agung luar biasa majlis tersebut Sabtu lalu, kerana tidak bersetuju dengan sikap dan tindakan tersebut yang ternyata tidak menghormati badan kehakiman negara ini.

"Saya telah nyatakan sikap dan pendirian persatuan ini. Kita tidak perlu begitu campur tangan dalam badan kehakiman dengan sikap yang tidak menghormati lunas-lunasnya. Malah ini boleh mengeruhkan lagi kepercayaan orang ramai terhadap bidang kehakiman," ujarnya.

Ditanya apakah implikasi dari kenyataannya itu, Encik Zaid berkata: "Saya belum dihubungi oleh Majlis Peguam, terpulanglah kepada mereka sekiranya ingin mengambil tindakan tertentu (disiplin) terhadap saya. Tapi apakah kita perlu risau jika menyuarakan sesuatu yang benar melalui saluran persatuan."

Sementara itu, Persatuan Syariah dan Undang - Undang Malaysia (Persuma) menasihati pihak yang mempunyai kepentingan diri supaya tidak campur tangan di dalam isu penggantungan jawatan Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Salleh Abas.

Setiausaha Kehormat Persuma, Encik Razali Nawawi berkata ini untuk membolehkan keputusan tribunal yang ditubuh oleh kerajaan bagi mempertimbangkan isu itu dicapai secara adil tanpa dilitupi oleh kezaliman. Persuma berpendapat semua pihak perlu memberi perhatian yang jujur dan adil untuk menjaga dan mengekalkan kewibawaan serta kehormatan institusi kehakiman, katanya melalui kenyataan akhbar di sini. Katanya, masalah itu hendaklah dicapai bukan sahaja dari perspektif keadilan undang - undang umum tetapi lebih penting lagi dari sudut keadilan Islam.